



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel:06-2895000
Faks:06-2345201 / 5202 / 5207
Web: <http://portalpp.anm.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM/MEL/N/05 Jld6 (40)
Tarikh : 14 Januari 2022
Bersamaan : 11 Jamadilakhir 1443 Hijrah

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

**Di bawah Seliaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Melaka**

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato' Seri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENGURUSAN REKOD AKIBAT BENCANA BANJIR

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana kita semua sedia maklum, banjir telah melanda beberapa daerah/ kawasan di Negeri Melaka yang telah mengakibatkan kerosakan kepada penduduk sekitar dan pejabat-pejabat Kerajaan.

3. Sehubungan itu, dipanjangkan surat daripada Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka no. Rujukan: ARKIBMLK.600-9/1/1() bertarikh 3 Januari 2022 yang meminta semua agensi Kerajaan yang terlibat dengan banjir dan mengalami kerosakan kepada rekod-rekod kewangan dan perakaunan ini agar tidak melupakan rekod-rekod tanpa terlebih dahulu merujuk kepada Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka.

4. Sekiranya YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato' Seri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, mempunyai sebarang persoalan, adalah disyorkan supaya merujuk kepada pegawai-pegawai yang tersenarai seperti perenggan 4 surat Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka yang disebutkan.

5. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato' Seri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,



(ASLIZARIATI BINTI ABU BAKAR C.A.(M), ACMA, CGMA)

Timbalan Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,

Negeri Melaka.

- s.k.
1. Pengarah
Arkib Negara Malaysia Melaka
Aras 8, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya
Ayer Keroh
75450 MELAKA

 2. Pengarah
Jabatan Audit Negara Malaysia Negeri Melaka
Wisma Audit, Persiaran MITC
Hang Tuah Jaya
Ayer Keroh
75450 MELAKA



Ruj kami : ARKIBMLK.600-9/1/1()

Tarikh : 3 Januari 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN 1

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

KHIDMAT NASIHAT PENGURUSAN REKOD AKIBAT BENCANA BANJIR OLEH ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI MELAKA

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara diatas adalah berkaitan.

2. Sepertimana kita semua sedia maklum, banjir telah mula melanda beberapa daerah/ kawasan di Negeri Melaka yang telah mengakibatkan kerosakan dan kemusnahan secara total kepada penduduk sekitar dan tidak terkecuali juga kepada pejabat-pejabat kerajaan.

3. Arkib Negara Malaysia merupakan agensi yang berperanan memberikan khidmat nasihat bagi pengurusan rekod awam dan memastikan ianya berada dalam jagaan dan kawalan yang baik di pejabat awam. Sehubungan dengan itu, kami memohon agar semua agensi kerajaan yang terlibat dalam banjir dan seterusnya mengalami kerosakan kepada rekod-rekod kerajaan ini agar tidak melupakan rekod-rekod ini tanpa terlebih dahulu merujuk kepada Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka.

W22CN)

Mohon draf = buletin
upol PTJ.

15724
Tel / 7/1/2022
...2/-

ARKIBMLK.600-9/1/1 ()

4. Berdasarkan bidang kuasa dalam Seksyen 7, Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) ANM bertanggungjawab untuk membantu pejabat awam menyelamatkan rekod yang terkesan akibat banjir. Oleh yang demikian, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Arkib Negara Malaysia Negeri, En. Namsivayam A/L Martin ditalian 06- 2535394 atau Pn. Norzy Binti Abdul Aziz ditalian 06- 2345390 untuk tindakan selanjutnya.

5. Bagi jabatan yang telah melantik **Pegawai Rekod Jabatan (PRJ)** di jabatan masing-masing, adalah dipohon agar YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memanjangkan terus perkara ini kepada pegawai berkenaan bagi tindakan pemantauan rekod-rekod di jabatan.

Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DATU ROYNEHASIM DATU PINDATUN

Pengarah

Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka